

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.10.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab pinjaman 1MDB sebanyak US\$975 juta daripada konsortium Deutsche Bank pada tahun 2014 tidak dilaporkan dalam Penyata Kewangan 2014. Adakah tujuan pinjaman tersebut adalah untuk menebus opsyen yang diberi kepada Aabar Investment.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pinjaman 1MDB sebanyak US\$975 juta daripada konsortium Deutsche Bank pada tahun 2014 tidak dilaporkan dalam Penyata Kewangan 2014 1MDB kerana ia adalah pinjaman yang dibuat selepas tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 (*subsequent events*, dengan izin). Pinjaman tersebut telah pun dilunaskan sepenuhnya.